

Artikel

Kesan Kemurahan Hati dan Sokongan Sosial terhadap Kebahagiaan Individu Berpendapatan Tinggi (T20) di Kuala Lumpur, Malaysia
(*The Impact of Generosity and Social Support on the Happiness of High-Income Individuals (T20) in Kuala Lumpur, Malaysia*)

Mohd Nor Hafizuddin Kinainah¹, Nik Ahmad Sufian Burhan^{1,2,3,*} & Mohd Roslan Rosnon^{1,3,4}

¹Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

²Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

³Pertubuhan Perancangan dan Pembangunan Komuniti Malaysia (MyCDA), Malaysia

⁴Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing), Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: nikahmadsufian@upm.edu.my

Diserah: 29 Jun 2024

Diterima: 05 Ogos 2024

Abstrak: Teori Easterlin Paradox mencadangkan bahawa individu berpendapatan tinggi cenderung untuk tidak menjadi lebih bahagia apabila pendapatan mereka meningkat. Jika keadaan berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia yang berpendapatan tinggi, maka apakah faktor bukan material lain yang boleh membahagiakan mereka? Kajian ini mengadaptasi model kajian daripada Laporan Kebahagiaan Dunia (WHR) untuk meneliti kesan kemurahan hati dan sokongan sosial terhadap kebahagiaan 393 individu daripada isi rumah berpendapatan tinggi (T20) di Kuala Lumpur, Malaysia. Data dikumpul menggunakan teknik pensampelan mudah homogen dan dianalisis menggunakan teknik regresi berganda. Keputusan analisis regresi berganda ($R^2=57.6\%$) menunjukkan bahawa peningkatan pendapatan daripada T1 kepada T2 tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap kebahagiaan, namun kemurahan hati dan sokongan sosial mempunyai kesan positif yang signifikan dalam meningkatkan kebahagiaan individu T20. Walau bagaimanapun, kesan kemurahan hati ($\beta=0.115$; $p<0.01$) adalah lebih besar dan signifikan berbanding sokongan sosial ($\beta=0.085$; $p<0.05$) dalam meningkatkan kebahagiaan. Memandangkan peningkatan pendapatan tidak signifikan dalam meningkatkan kebahagiaan individu T20, kajian ini mencadangkan bahawa sebarang usaha untuk membangunkan strategi yang membina interaksi sosial yang utuh di kalangan ahli komuniti adalah penting. Ini bertujuan untuk memupuk individu masyarakat yang saling memberi sokongan sosial dan lebih bermurah hati kepada golongan yang memerlukan. Mekanisme ini dapat meningkatkan modal sosial dalam masyarakat dan seterusnya menyumbang kepada kebahagiaan.

Kata kunci: Kebahagiaan; isi rumah berpendapatan tinggi; sokongan sosial; kemurahan hati; Laporan Kebahagiaan Dunia (WHR)

Abstract: The Easterlin Paradox theory posits that high-income people tend not to become any happier when their income increases. If the situation occurs among high-income Malaysians, what other non-material factors could make them happy? This study adopted a research model from the World Happiness Report (WHR) to examine the effects of generosity and social support on the happiness of 393 individuals from high-income households (T20) in Kuala Lumpur, Malaysia. Data were collected using homogeneous convenience sampling

technique and analyzed using multiple regression technique. The results of multiple regression analysis ($R^2=57.6\%$) showed that increasing income from T1 to T2 had no significant effect on happiness, however generosity and social support had significant positive effects in raising T20 individuals' happiness. However, the effect of generosity ($\beta=0.115$; $p<0.01$) was larger and more significant than social support ($\beta=0.085$; $p<0.05$) in increasing happiness. Given that increased income was not significant in raising happiness among T20 individuals, this study suggests that any effort to develop strategies that build intact social interactions among community members is essential. This aims to foster community individuals who give each other social support and are more generous to the needy. This mechanism can enhance social capital in society and further contribute to happiness.

Keywords: Happiness; high income households; social support; generosity; World Happiness Report (WHR)

Pengenalan

Kesejahteraan dan kebahagiaan adalah satu konsep yang luas. Kebahagiaan ialah perasaan puas, seronok dan juga merupakan emosi positif yang boleh dialami hasil daripada pelbagai situasi dan pengalaman hidup. Manusia berusaha untuk mencapai kebahagiaan dalam hidup mereka melalui pelbagai cara, seperti dengan mencapai matlamat, membina hubungan baik dengan orang sekeliling, dan mengalami perkara baru. Walau bagaimanapun, kebahagiaan juga boleh menjadi konsep subjektif dan sukar, kerana sesuatu yang membahagiakan seseorang mungkin tidak dapat membahagiakan individu lain. Konsep kebahagiaan boleh ditafsirkan dengan cara yang berbeza. Sesetengah penyelidik berpendapat bahawa kebahagiaan datang dari faktor dalaman, seperti mempunyai pemikiran yang positif, berasa puas, dan mencari makna dalam kehidupan (Diener, 2000). Tahap kebahagiaan juga mungkin berbeza bagi setiap individu dan mungkin berubah mengikut masa bergantung kepada ciri peribadi dan pengalaman hidup, dan mungkin juga dipengaruhi oleh kepercayaan, nilai, dan budaya serta status sosioekonomi seseorang.

Kebanyakan negara memberi banyak penekanan kepada peningkatan tahap pendapatan dan kemajuan ekonomi untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat mereka. Namun begitu, apabila masyarakat atau individu telah mencapai tahap pendapatan yang tinggi, peningkatan pendapatan yang seterusnya mungkin tidak lagi mampu menjana kebahagiaan mereka ke tahap yang lebih tinggi. Corak ini telah dibuktikan secara empirik oleh ahli ekonomi terkemuka Richard Easterlin untuk masyarakat di Amerika Syarikat dan banyak negara maju yang lain (Easterlin, 1974, 2023; Easterlin et al., 2010). Peristiwa ini dikenali sebagai Paradoks Easterlin. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan penyesuaian hedonik (*hedonic adaptation*), yang mencadangkan bahawa apabila keperluan asas individu untuk terus hidup dipenuhi, seperti yang berlaku di banyak negara maju, individu menjadi terbiasa dengan peningkatan pendapatan dan taraf hidup, yang tidak membawa kepada peningkatan kebahagiaan yang berterusan atau mampan.

Memandangkan peningkatan pendapatan mungkin tidak lagi mampu menjana kebahagiaan individu berpendapatan tinggi, apakah faktor lain yang boleh meningkatkan tahap kebahagiaan mereka? Sejak tahun 2002, Laporan Kebahagiaan Dunia (WHR) (Helliwell et al., 2023) telah mengenal pasti tahap kebahagiaan masyarakat di kebanyakan negara dan faktor utama yang menentukan kebahagiaan di peringkat makro dengan menggunakan data merentas negara. Secara keseluruhannya, kebahagiaan masyarakat di seluruh dunia dipengaruhi oleh banyak faktor sosioekonomi di peringkat individu, antaranya ialah tahap pendapatan, tahap kesihatan, kebebasan untuk membuat pilihan dalam hidup, persepsi terhadap tahap rasuah yang berlaku dalam negara, tahap kemurahan hati, dan tahap sokongan sosial yang diterima.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan kemurahan hati dan sokongan sosial terhadap kebahagiaan golongan berpendapatan tinggi (T20) yang menetap di Kuala Lumpur, Malaysia. Kuala Lumpur adalah pusat perindustrian dan komersial dengan populasi lebih 1.9 juta termasuk bukan warganegara. Kuala Lumpur merupakan tempat yang paling tepat bagi mewakili sampel kajian ini. Kuala Lumpur mempunyai populasi seramai 1,982,112 orang (DOSM, 2022). Sementara itu, purata isi rumah di Malaysia adalah seramai empat orang pada 2022, manakala Kuala Lumpur seramai 3.5 orang isi rumah. Berdasarkan perangkaan yang telah dibuat oleh DOSM bahawa kelas pendapatan di Malaysia dan setiap negeri termasuk Kuala Lumpur terbahagi kepada tiga kelas iaitu golongan pendapatan rendah (B40), sederhana (M40), dan tinggi (T20). Namun dalam

kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada golongan berpendapatan tinggi (T20) iaitu yang mewakili 20 peratus pendapatan tertinggi penduduk Kuala Lumpur.

Menurut Bank Dunia, kadar urbanisasi Malaysia meningkat tiga kali ganda dalam tempoh enam dekad daripada 26.6% pada tahun 1960 kepada 78.2% pada tahun 2022 (World Bank, 2023). Kini Kawasan bandar menempatkan 100% penduduk Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, Kuala Lumpur adalah lokasi yang paling sesuai untuk kajian sebegini memandangkan bandar Kuala Lumpur pusat metropolitan yang didiami oleh banyak individu berpendapatan tinggi (T20) di Malaysia. Merujuk kepada hasil kajian yang dibuat oleh Easterlin (Easterlin, 1974, 2023; Easterlin et al., 2010) yang mendakwa peningkatan pendapatan tidak lagi memberi kesan positif kepada kebahagiaan individu berpendapatan tinggi, maka kajian ini turut mengambil kira faktor bukan materialistik yang boleh meningkatkan kebahagiaan, khususnya peranan kemurahan hati dan sokongan sosial. Kajian semasa ini mengadaptasi model regresi linear daripada Laporan Kebahagiaan Dunia (WHR; Helliwell et al., 2023) bagi melihat kesan kemurahan hati dan sokongan sosial terhadap kebahagiaan. Selain itu, WHR menggunakan data daripada Gallup World Poll (GWP) dan analisis regresi mendapati bahawa kebahagiaan masyarakat dimainkan oleh tahap pendapatan, kesihatan, kebebasan membuat pilihan dalam hidup, dan persepsi rasuah. Oleh itu, menggunakan analisis regresi berganda, kajian ini menilai kesan kemurahan hati dan sokongan sosial terhadap kebahagiaan orang berpendapatan tinggi apabila kesan ini dikawal oleh beberapa pemboleh ubah kawalan ini seperti yang dicadangkan dalam WHR.

Sorotan Literatur

Laporan Kebahagiaan Dunia (WHR / Helliwell et al., 2023) telah menunjukkan secara empirik bahawa kemurahan hati dan penerimaan sokongan sosial adalah dua kunci yang menentukan kebahagiaan manusia. Individu yang bermurah hati seperti menderma wang untuk tujuan kebajikan kerap mengalami peningkatan tahap kebahagiaan mereka (Aknin & Whillans, 2021; Aknin et. al, 2013). Begitu juga dengan individu yang melakukan perbuatan baik secara rawak untuk kepentingan orang lain, mereka sering mengalami peningkatan tahap kebahagiaan dan kepuasan hidup hasil daripada kebaikan yang mereka lakukan (Dunn et. al, 2011). Walau bagaimanapun, Helliwell et al. (2023) mendapati bahawa sokongan sosial yang diterima dalam masyarakat memberi kesan yang lebih besar terhadap kebahagiaan mereka berbanding kesan kemurahan hati. Kajian terdahulu secara konsisten menunjukkan hubungan yang kuat antara penerimaan sokongan sosial dan kebahagiaan. Secara khusus, penerimaan sokongan sosial didapati memberi pengaruh positif yang besar terhadap tahap keseluruhan kebahagiaan yang dialami oleh individu (Moeini et. al, 2018). Penegasan ini disokong oleh penyelidikan Mahanta dan Aggarwal (2013), yang menunjukkan bahawa sokongan sosial bukan sahaja penting untuk orang tua dan lemah, tetapi juga mempunyai kesan yang baik terhadap tahap kebahagiaan golongan muda, termasuk pelajar di institusi pengajian tinggi. Ini dapat dilihat apabila mereka yang menerima lebih banyak sokongan sosial ditunjukkan mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik. Bukan sahaja golongan anak, malah ibu bapa juga memerlukan sokongan sosial daripada orang sekeliling bagi mengurangkan tekanan hidup, berdasarkan kajian Johari dan Aun (2023). Kepentingan sokongan sosial dalam masyarakat adalah penting untuk kebahagiaan dan kesejahteraan keseluruhan individu kerana sokongan sosial diterima daripada ahli keluarga, rakan, dan masyarakat sekeliling membantu individu berjaya menyesuaikan diri dalam kerjaya profesional mereka (Öztemel & Yıldız-Akyol, 2021).

Laporan Kebahagiaan Dunia (WHR) dari 2002 hingga 2023 telah membuktikan beberapa petunjuk bukan material yang secara konsisten menjadi peramal kebahagiaan dalam sesebuah masyarakat. Selain faktor kesihatan dan kebebasan untuk membuat pilihan dalam kehidupan, petunjuk bukan material ini termasuk tahap kemurahan hati dan sokongan sosial. Selain kesan kemurahan hati yang membantu memberi manfaat kepada penerima, ramai pengkaji terdahulu menemukan bahawa pemberian sesuatu dalam bentuk wang atau bantuan material kepada orang lain yang memerlukan dapat membantu meningkatkan kebahagiaan dan kesejahteraan rohani pemberi (Myslinski, 2014; Geenen et. al, 2014; Moche & Västfjäll, 2022). Manakala pengkaji lain mendapati individu yang menyumbang wang atau harta benda kepada orang lain dengan niat yang ikhlas mempunyai tahap kebahagiaan yang lebih tinggi berbanding individu yang membelanjakan wang hanya untuk diri sendiri (Aknin et. al, 2013, 2015). Dalam kajian oleh Mahli et al. (2023) mendapati masyarakat di Sarawak, Malaysia cenderung untuk bermurah hati dalam menderma sekiranya ia dapat membantu membina modal insan, kebajikan, pendidikan dan sosial. Selain itu, banyak kajian terdahulu secara

konsisten menunjukkan bahawa sokongan sosial boleh membantu individu dengan berkesan dalam mengharungi cabaran atau kesukaran hidup (Lakey, 2013; Dominguez-Fuentes & Hombrados-Mendieta, 2012). Malah, sokongan sosial menjadikan mereka yang menerimanya lebih bahagia berbanding golongan yang tidak menerima sokongan sosial ketika memerlukan (Tan et al., 2018). Sokongan sosial mempunyai kesan positif yang jelas terhadap kebahagiaan penerima, terutamanya apabila peranan media sosial, yang dianggap membolehkan individu membentuk jaringan sosial melalui rangkaian perhubungan maya, dipersoalkan kredibilitinya (Colak & Dogan, 2016). Masdin, et al. (2016) dalam kajiannya mendapati kebahagiaan individu miskin di Sabah, Malaysia lebih dipengaruhi oleh penerimaan sokongan sosial berbanding kesan sifat optimistik, efikasi sendiri umum, dan kesan positif-negatif.

Jika kumpulan berpendapatan tinggi T20 di Malaysia mengalami peristiwa Paradoks Easterlin, apakah langkah selanjutnya yang perlu dilakukan oleh kumpulan ini untuk meningkatkan tahap kebahagiaan mereka? Adakah individu kaya memerlukan sesuatu yang bukan material untuk bahagia? Oleh itu, satu kajian perlu dibuat bagi mengetengahkan kesan kemurahan hati dan penerimaan sokongan sosial terhadap kebahagiaan terutamanya golongan berpendapatan tinggi (T20) di Malaysia. Ini untuk meneliti sama ada golongan berpendapatan tinggi memerlukan dua bentuk faktor bukan material ini untuk meningkatkan tahap kebahagiaan mereka. Individu daripada 'status quo' yang lebih tinggi mungkin lebih bahagia jika mereka lebih bermurah hati kepada mereka yang memerlukan, pada masa yang sama menerima sokongan sosial daripada orang sekeliling. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan kepada individu kelas berpendapatan tinggi (T20) untuk memahami kesan kemurahan hati dan sokongan sosial yang diterima terhadap kebahagiaan mereka.

Metodologi Kajian

1. Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif survei yang merujuk kepada suatu kaedah penyelidikan yang menggunakan soalan-soalan yang disusun dalam bentuk borang soal selidik untuk mengumpul data daripada sampel populasi yang besar. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat kuantitatif yang boleh diukur dan dianalisis secara statistik bagi memastikan hasil kajian boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih luas (Rana et al., 2021; Sarker & AL-Muaalemi, 2022).

2. Responden

Menggunakan kaedah persampelan mudah homogen (*homogeneous convenience sampling*), kajian ini mengumpul data daripada 393 individu daripada kategori T20 yang merupakan warganegara Malaysia yang menetap di Kuala Lumpur. Hanya seorang responden dewasa berumur 18 hingga 64 tahun dipilih daripada setiap isi rumah. Responden adalah sama ada suami atau isteri, atau ketua rumah jika tiada pasangan. Individu yang di bawah tanggungan seperti pelajar universiti atau kolej dikecualikan daripada kajian ini. Setiap responden melengkapkan borang soal selidik secara sukarela sebelum diberi ganjaran baucar makan (bernilai RM10) sebagai hadiah saguhati atas penyertaan mereka. Responden Melayu terdiri daripada majoriti responden kajian ini ($n=297$), manakala selebihnya adalah kaum Cina ($n=52$), India ($n=41$) dan lain-lain etnik ($n=3$).

3. Pemboleh Ubah

Dalam kajian ini, pemboleh ubah bersandar ialah ukuran kebahagiaan yang terdiri daripada tiga item (α , α Cronbach = 0.820) yang diadaptasi daripada Lyubomirsky dan Lepper (1999). Kebahagiaan diukur menggunakan skala likert 6 mata bermula dari tahap ukuran 1 (sangat tidak setuju) hingga 6 (sangat setuju). Bilangan asal item yang dicadangkan oleh Lyubomirsky dan Lepper adalah empat. Walaubagaimanapun, kajian ini telah mengecualikan item keempat untuk meningkatkan nilai α Cronbach.

Peramal pertama kebahagiaan ialah pendapatan isi rumah bulanan T20, yang diukur melalui dua tahap, iaitu T1 dan T2. Tahap pendapatan diukur menggunakan item yang bersifat binari. Individu kategori pendapatan T1 dilabelkan sebagai 1, iaitu mewakili kumpulan berpendapatan bulanan dalam julat RM 16,449 hingga RM 21,501. Nilai ini adalah berdasarkan persentil ke-80 hingga ke-89 agihan pendapatan isi rumah

Kuala Lumpur. Manakala individu daripada kategori pendapatan T2 pula dilabelkan sebagai 2, iaitu dengan julat pendapatan bulanan RM 21,502 dan ke atas. Nilai ini adalah berdasarkan persentil ke-90 dan ke atas. Julat pendapatan ini adalah nilai bagi tahun 2022 yang diperoleh daripada Jabatan Statistik Malaysia (DOSM, 2022).

Peramal kedua ialah item tunggal yang menanyakan tentang tahap kesihatan responden kajian. Ini merujuk kepada tahap kesihatan responden yang diukur berdasarkan penilaian sendiri (*self-rated*), di mana responden menilai tahap kesihatan mereka sendiri pada skala sangat lemah (1) hingga sangat baik (6). Item ini diperoleh daripada Eriksson et al. (2001).

Peramal ketiga ialah ukuran kemurahan hati (*generosity scale*) yang mengandungi 10 item (α Cronbach = 0.899) Dalam kajian ini, kemurahan hati individu adalah hasil gabungan lima aspek iaitu: 1) wang, 2) barangan, 3) masa dan tenaga, 4) pengetahuan, maklumat dan nasihat berguna, dan 5) berkongsi dan meminjamkan barangan. Lima aspek ini dirumuskan hasil penelitian terhadap tinjauan literatur dalam Allen (2018) dan *Science of Generosity Initiative* (2012) terbitan Universiti Notre Dame. Setiap aspek mempunyai dua item iaitu pernyataan tentang kecenderungan responden melakukan aktiviti pemurah bagi setiap aspek, dan aktiviti mereka dalam tempoh 12 bulan yang lalu berkaitan dengan aspek tersebut, seperti contoh berikut untuk aspek wang:

- i. Saya suka menyumbang dalam bentuk wang (contoh: secara tunai, potongan gaji bulanan, pindahan bank, e-dompet, derma kepada badan kebajikan, sedekah kepada pengemis dan lain-lain.)
- ii. Sepanjang 12 bulan yang lalu, saya selalu menyumbang dalam bentuk wang.

Peramal seterusnya adalah ukuran 12 item sokongan sosial (α Cronbach = 0.732) yang telah diadaptasi daripada Cohen et al. (1985) hasil gabungan tiga kategori iaitu sokongan sosial penilaian (*appraisal social support*), sokongan sosial kekitaan (*belonging social support*), dan sokongan sosial nyata (*tangible social support*). Setiap kategori ini diwakili oleh empat (4) item sebagaimana yang dicadangkan oleh Cohen et al. Contoh soalan yang ditanya adalah seperti berikut:

- i. Sukar bagi saya mencari orang untuk menemani saya melakukan perjalanan sehari. (*belonging social support*)
- ii. Tidak ada sesiapa yang boleh saya kongsi kebimbangan dan ketakutan saya. (*appraisal social support*)
- iii. Mudah bagi saya mencari orang untuk membantu kerja harian jika saya sakit. (*tangible social support*)

Kajian ini mengambil kira persepsi individu terhadap kebebasan mereka untuk membuat pilihan dalam kehidupan, iaitu pemboleh ubah satu item yang diambil daripada Gallup World Poll (GWP) (2020), iaitu "Saya berpuas hati dengan kebebasan untuk memilih apa yang saya ingin lakukan dalam hidup." Peramal terakhir ialah pemboleh ubah 2-item yang menilai persepsi masyarakat terhadap rasuah (α Cronbach = 0.914) yang diadaptasi daripada GWP, yang menilai persepsi responden tentang sejauh mana rasuah berleluasa dalam kerajaan dan perniagaan. Skala Likert enam mata digunakan untuk mengukur pemboleh ubah bersandar dan peramal yang berkaitan. Sementara skala pengukuran kesihatan yang dinilai sendiri adalah antara 1 (sangat lemah) hingga 6 (sangat baik), skala untuk lima pemboleh ubah lain adalah antara 1 (sangat tidak setuju) hingga 6 (sangat setuju). Skor yang lebih tinggi menunjukkan sifat yang lebih positif dalam setiap pemboleh ubah, kecuali persepsi rasuah, di mana skor yang lebih tinggi menunjukkan persepsi yang lebih tinggi bahawa rasuah berleluasa di negara ini.

Selain itu, kajian ini mengambilkira pemboleh ubah kawalan, termasuk jantina (lelaki = 1, perempuan = 2), umur (bilangan tahun), pasangan hidup (tidak mempunyai pasangan = 1, mempunyai pasangan = 2), status pekerjaan (manganggur = 1, tidak manganggur = 2), dan pendidikan tertiar (tidak memiliki pendidikan tertiar = 1, memiliki pendidikan tertiar = 2). Khususnya, 'tidak mempunyai pasangan' merujuk sama ada responden adalah bujang, bercerai, atau balu. Pilihan 'manganggur' menandakan individu tanpa pekerjaan yang sedang mencari pekerjaan. Responden yang menjawab '2' berkenaan pendidikan tertiar menandakan bahawa beliau telah menamatkan pendidikan tinggi.

4. Proses Pengumpulan dan Analisis Data

Soal selidik yang dikumpul daripada responden kajian telah disemak oleh pasukan penyelidik. Borang soal selidik yang tidak lengkap atau mempunyai 'data hilang' dikecualikan daripada penilaian. Data yang

terkandung dalam soal selidik yang telah lengkap telah dimasukkan (key-in) ke dalam Perisian SPSS IBM menggunakan kod (coding) yang telah dibina oleh pengkaji. Perisian IBM SPSS digunakan bagi analisis deskriptif dan analisis korelasi ke atas data yang dikumpul. Perisian statistic EViews digunakan bagi menjalankan analisis regresi berganda. Teknik regresi pertama ialah *ordinary least squares* (OLS), diikuti oleh OLS menggunakan ralat piawai bootstrap dengan 20,000 replikasi.

Hasil Kajian

1. Statistik Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina, status perkahwinan, tahap pendapatan, tahap pendidikan dan pengangguran. Daripada 393 responden, sebanyak 58.27% adalah perempuan, manakala 41.73% adalah lelaki. Selain itu, 91.09% adalah mempunyai pasangan hidup, manakala yang selebihnya tidak berpasangan, iaitu mereka samada bujang, bercerai, duda, janda atau balu. Seterusnya, sebanyak 56.74% daripada 393 responden adalah daripada golongan berpendapatan T1 manakala 43.26% adalah golongan T2. Manakala, hanya tiga responden sahaja atau 0.6% adalah status menganggur. Akhir sekali, 96.18% responden memiliki pendidikan tertiar.

Jadual 1. Demografi responden

Pemboleh ubah	Kriteria	Label/ Tahap	Bilangan responden (n)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	1	164	41.73%
	Perempuan	2	229	58.27%
Bangsa	Melayu	1	297	75.57%
	India	2	41	10.43%
	Cina	3	52	13.23%
	Lain-lain	4	3	0.77%
Tahap pendapatan	T1	1	223	56.74%
	T2	2	170	43.26%
Pasangan hidup	Tidak mempunyai pasangan	1	35	8.91%
	Mempunyai pasangan	2	358	91.09%
Pengangguran	Menganggur	1	3	0.76%
	Tidak menganggur	2	390	99.24%
Pendidikan tertiar	Tiada pendidikan tertiar	1	15	3.82%
	Ada pendidikan tertiar	2	378	96.18%

2. Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Utama

Jadual 2 menunjukkan statistik deskriptif untuk pemboleh ubah terpilih dalam kajian ini. Kebahagiaan, kesihatan, kemurahan hati, sokongan sosial, kebebasan untuk membuat pilihan hidup, dan persepsi rasuah diukur dengan menggunakan skala likert enam mata iaitu daripada nilai terendah (1) kepada nilai tertinggi (6). Berdasarkan 393 responden, purata skor untuk kebahagiaan adalah 4.76. Secara spesifiknya, nilai min bagi kebahagiaan untuk golongan T1 ($n=223$) adalah 4.69. Manakala, tahap kebahagiaan untuk golongan T2 ($n=111$) adalah 4.85.

Jadual 2. Statistik deskriptif untuk pemboleh ubah terpilih dalam kajian

Kriteria	Kebahagiaan	Umur	Kesihatan	Kemurahan hati	Sokongan sosial	Kebebasan membuat pilihan hidup	Persepsi rasuah
Min	4.758	44.43	4.728	4.371	4.023	4.817	4.104
Maksimum	6.000	62	6.000	6.000	6.000	6.000	6.000
Minimum	1.670	21	1.000	1.600	2.330	1.000	1.000
Sisihan Piawai	0.890	7.768	0.915	0.877	0.762	1.006	1.430
Pencongan	-0.872	-0.264	-0.698	-0.204	0.600	-0.861	-0.372
Kurtosis	3.738	3.022	3.660	2.929	2.762	3.609	2.231

Nota: Skor min adalah berdasarkan skala Likert 6-mata daripada nilai 1 (terendah) hingga 6 (tertinggi).

Jadual 3 menunjukkan tafsiran skor min oleh Nunnally dan Bernstein (1994) dan tafsiran skor min selepas dilaraskan untuk skala Likert 6 mata bagi kajian ini. Nunnally dan Bernstein (1994) mencadangkan bahawa kaedah pentafsiran nilai min untuk skala Likert lima mata bermula dengan 1.00-2.00 (rendah), 2.01-3.00 (sederhana rendah), 3.01-4.00 (sederhana tinggi) dan 4.01-5.00 (tinggi). Disebabkan kajian ini menggunakan skala 6 mata, maka pengkaji telah menyelaraskan semula skala perbandingan ini dengan menjadikan nilai min rendah sebagai (1.00-2.25), dan seterusnya diselaraskan untuk nilai-nilai min sederhana rendah (2.26-3.50), sederhana tinggi (3.51-4.75) dan tinggi (4.76-6.00). Oleh yang demikian, menariknya, skor min kebahagiaan bagi 393 responden adalah 4.758, yang jatuh di antara sempadan sederhana tinggi dan tinggi sebelum ia dibundarkan kepada 4.76. Namun secara khusus, skor min bagi kumpulan T1 iaitu 4.69 adalah dalam kategori sederhana tinggi, manakala bagi kumpulan T2 iaitu 4.85 adalah dalam kategori tinggi.

Antara lima pemboleh ubah penentu kebahagiaan, kebebasan untuk membuat pilihan hidup memiliki purata skor tertinggi iaitu 4.82, diikuti oleh tahap kesihatan (4.73), kemurahan hati (4.37), persepsi terhadap rasuah (4.10) dan tahap sokongan sosial (4.02). Selain itu, berdasarkan taburan umur responden, pengkaji mendapati umur maksimum bagi responden ialah 62 tahun. Manakala umur minimum adalah 21 tahun. Purata umur untuk 393 responden adalah 44.43 tahun, dengan nilai sisihan piawai 7.77.

Jadual 3. Tafsiran skor min oleh Nunnally dan Bernstein (1994) dan tafsiran skor min selepas disesuaikan untuk skala Likert 6 mata

Skala Likert 5-Mata (Nunnally & Bernstein, 1994)		Skala Likert 6-Mata (Kajian Semasa)	
Julat Min	Tafsiran Skor	Julat Min	Tafsiran Skor
1.00-2.00	Rendah	1.00-2.25	Rendah
2.01-3.00	Sederhana rendah	2.26-3.50	Sederhana rendah
3.01-4.00	Sederhana tinggi	3.51-4.75	Sederhana tinggi
4.01-5.00	Tinggi	4.76-6.00	Tinggi

Penyelidik juga meneliti samada tujuh pemboleh ubah dalam Jadual 2 bertabur mengikut taburan normal atau tidak. Berdasarkan Kim (2013), beliau mencadangkan nilai kecondongan mutlak (*Skewness*) kurang atau bersamaan dengan 2 dan nilai Kurtosis mutlak kurang atau bersamaan dengan 4 boleh digunakan sebagai nilai rujukan untuk menunjukkan bahawa sesuatu pemboleh ubah bertabur secara normal. Manakala Hair et al. (2010) dan Bryne (2010) berpendapat bahawa data dianggap normal jika nilai pencongan

(*Skewness*) adalah antara -2 hingga +2 dan Kurtosis antara -7 hingga +7. Berdasarkan rujukan ini penyelidik dapat mengandaikan bahawa tujuh pemboleh ubah dalam Jadual 2 adalah bertabur secara normal.

3. Analisis Korelasi

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis bivariat iaitu analisis korelasi Pearson untuk semua pemboleh ubah. Hasil data yang dianalisis mendapati kebahagiaan mempunyai hubungan positif yang paling besar dengan kebebasan untuk membuat pilihan hidup iaitu sebanyak $r=0.67$. Hubungan ini signifikan pada tahap $p<0.01$. Selain kebebasan, tahap kesihatan dan kemurahan hati mempunyai hubungan signifikan ($p<0.01$) yang hampir setara dengan kebahagiaan iaitu masing-masing dengan nilai $r=0.47$ dan nilai $r=0.50$. Seterusnya hubungan sokongan sosial dan kebahagiaan signifikan pada tahap 1% dengan nilai $r=0.24$. Walaubagaimanapun, hubungan korelasi antara kebahagiaan dan persepsi terhadap rasuah adalah negatif dengan nilai $r=-0.31$ ($p<0.01$). Akhir sekali, kebahagiaan tidak mempunyai hubungan yang signifikan ($p>0.05$) dengan semua pemboleh ubah yang lain termasuk tahap pendapatan, jantina, umur, pengangguran dan tahap pendidikan.

Jadual 4. Analisis korelasi Pearson untuk semua pemboleh ubah

Pemboleh ubah	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
1. Kebahagiaan	1.000											
2. Wanita	0.041	1.000										
3. Umur	0.070	-0.056	1.000									
4. Pasangan hidup	0.036	-0.029	0.125*	1.000								
5. Pengangguran	-0.090	0.104	-0.063	-0.027	1.000							
6. Tahap pendapatan	0.091	-0.136**	0.127*	0.183**	-0.041	1.000						
7. Pendidikan tertiar	0.035	0.101	0.003	0.076	-0.017	-0.067	1.000					
8. Tahap kesihatan	0.474**	-0.066	-0.094	0.044	-0.090	-0.032	0.086	1.000				
9. Kemurahan hati	0.498**	-0.066	0.089	0.033	-0.056	0.212**	-0.022	0.340**	1.000			
10. Sokongan sosial	0.240**	-0.027	0.009	-0.046	-0.013	0.114*	0.031	0.184**	0.261**	1.000		
11. Kebebasan membuat pilihan hidup	0.677**	0.051	0.215**	0.005	-0.074	0.072	-0.023	0.364**	0.470**	0.222**	1.000	
12. Persepsi rasuah	-0.311**	0.083	-0.037	0.085	0.109*	0.112*	0.075	-0.176	-0.283**	0.145*	-0.179**	1.000

Nota: Tahap signifikan: ** $p < 0.01$, * $p < 0.05$. Berdasarkan ujian dua-hujung (*2-tailed test*).

4. Analisis Regresi Berganda

Oleh kerana analisis korelasi tidak dapat menentukan arah hubungan (*direction of causality*) antara dua pemboleh ubah, analisis regresi berganda dilakukan melalui kaedah *ordinary least squares* (OLS) bagi menentukan kesan atau pengaruh setiap pemboleh ubah peramal terhadap kebahagiaan individu T20. Jadual 5 menunjukkan keputusan analisis regresi berganda yang meramalkan kebahagiaan individu T20 di Kuala Lumpur. Berdasarkan Jadual 5, didapati bahawa lima daripada sebelas faktor peramal adalah signifikan terhadap kebahagiaan sekurang-kurangnya pada tahap 90% atau $p < 0.10$. Berdasarkan nilai koefisien (β) piawai, kebebasan untuk membuat pilihan hidup adalah faktor terkuat dalam menentukan kebahagiaan dengan nilai $\beta = 0.50$ yang signifikan pada tahap $p < 0.01$. Ini diikuti oleh kesan negatif persepsi terhadap rasuah ($\beta = -0.18$, $p < 0.01$) terhadap kebahagiaan. Seterusnya, hasil kajian juga menunjukkan bahawa tahap kesihatan ($\beta = 0.20$, $p < 0.01$) adalah positif dan signifikan ke atas kebahagiaan. Manakala peningkatan pendapatan daripada T1 kepada T2 tidak mempunyai kesan yang signifikan ($p > 0.10$) dalam meningkatkan kebahagiaan individu T20. Peramal penting bagi kajian ini iaitu kemurahan hati dan sokongan sosial juga menunjukkan kesan positif dan signifikan terhadap kebahagiaan. Kesan kemurahan hati ($\beta = 0.12$) adalah signifikan pada tahap $p < 0.01$, manakala sokongan sosial ($\beta = 0.09$) hanya signifikan pada tahap $p < 0.05$. Ini menunjukkan bahawa kesan kemurahan hati adalah lebih besar sedikit daripada sokongan sosial dalam menjana kebahagiaan individu T20.

Selain itu, faktor-faktor peramal lain yang bertindak sebagai pemboleh ubah kawalan seperti jantina, umur, mempunyai pasangan hidup atau tidak, pengangguran, tahap pendapatan dan pencapaian pendidikan tertiar adalah tidak signifikan terhadap kebahagiaan walaupun pada tahap $p < 0.10$. Secara keseluruhannya, model regresi berganda ini mempunyai nilai R^2 sebanyak 0.58 berdasarkan Jadual 5. Ini menunjukkan bahawa 58% daripada variasi kebahagiaan individu T20 dapat dijelaskan oleh pemboleh ubah peramal yang terlibat dalam kajian ini. Manakala nilai statistik F iaitu 47.09 adalah signifikan pada tahap $p < 0.01$. Nilai statistik F yang besar ini membuktikan bahawa pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini adalah secara bersama signifikan (*jointly significant*) dalam menentukan kebahagiaan individu T20.

Bagi menentukan keteguhan (*robustness*) keputusan analisis regresi berganda dalam Jadual 5, analisis regresi berganda ini dijalankan semula dengan melaksanakan proses bootstrap ralat piawai sebanyak 20,000 replikasi. Ini bagi memastikan supaya kesan pemboleh ubah terhadap kebahagiaan masih signifikan sekiranya taburan data kajian melanggar andaian bahawa taburan data kajian adalah normal (*if the assumption of normality is violated*). Jadual 6 menunjukkan keputusan analisis regresi berganda setelah ralat piawai melalui proses bootstrap. Penyelidik telah mengecualikan faktor peramal 'tidak menganggur' daripada analisis ini kerana hanya terdapat tiga orang responden sahaja yang memiliki status ini. Ini bertujuan untuk mengendalikan masalah ralat *near singular matrix* dalam proses bootstrap ini. Berdasarkan Jadual 6, didapati bahawa tahap kesihatan, persepsi terhadap rasuah, dan kebebasan membuat pilihan hidup kekal signifikan pada tahap $p < 0.01$, manakala sokongan sosial kekal signifikan pada tahap 5%. Manakala tahap signifikan bagi kemurahan hati telah berkurang kepada $p < 0.05$ berbanding 1% pada Jadual 6. Taburan bootstrap pekali regresi bukan piawai (20,000 replikasi) untuk semua pemboleh ubah tidak bersandar ditunjukkan dalam Rajah 1(a) dan bersambung dalam Rajah 1(b). Kesimpulannya, Jadual 6 bersama-sama dengan kedua-dua Rajah 1(a) dan 1(b) ini membuktikan bahawa kesan pembolehubah peramal kemurahan hati dan sokongan sosial terhadap kebahagiaan kekal signifikan apabila data bertaburan secara normal.

Jadual 5. Keputusan analisis regresi berganda dalam meramalkan kebahagiaan individu T20

Faktor Peramal Kebahagiaan	Pemboleh Ubah Bersandar: Kebahagiaan Individu T20					Faktor Inflasi Varian (VIF)
	Pekali Beta Bukan Piawai	Pekali Beta Piawai, β	Ralat Piawai	Statistik-t	Nilai-p	
Wanita	0.103	0.057	0.062	1.658	0.098	1.071
Umur	-0.005	-0.045	0.004	-1.280	0.201	1.127
Pasangan hidup	0.105	0.034	0.108	0.972	0.332	1.076
Pengangguran	-0.143	-0.014	0.346	-0.411	0.681	1.034
Tahap pendapatan	0.102	0.057	0.065	1.584	0.114	1.167
Pendidikan tertiar	0.180	0.039	0.158	1.139	0.255	1.043
Tahap kesihatan	0.194***	0.200***	0.037	5.212	0.000	1.319
Kemurahan hati	0.117***	0.115***	0.042	2.761	0.006	1.564
Sokongan sosial	0.099**	0.085**	0.042	2.346	0.020	1.184
Kebebasan membuat pilihan hidup	0.443***	0.500***	0.036	12.240	0.000	1.502
Persepsi rasuah	-0.114***	-0.183***	0.023	-4.936	0.000	1.241
Pemalar	0.096	NA	1.015	0.094	0.925	NA

Bilangan responden, $N = 393$; $R^2 = 0.576$; Adj. $R^2 = 0.564$; Nilai statistik-F = 47.087***;


Tahap signifikan: *** $p < 0.01$; ** $p < 0.05$; * $p < 0.10$. Tahap signifikan berdasarkan ujian dua-hujung (two-tailed test).

Jadual 6. Keputusan analisis regresi dengan ralat piawai bootstrap (20,000 replikasi) dalam meramalkan kebahagiaan individu T20. korelasi Pearson untuk semua pemboleh ubah

Pemboleh Ubah Bersandar: Kebahagiaan Individu T20					
Faktor Peramal Kebahagiaan	Pekali Beta Bukan Piawai	Pekali Beta Piawai, β	Ralat Piawai	t-statistik	Nilai-p
Wanita	0.101	0.056	0.063	1.612	0.108
Umur	-0.005	-0.045	0.005	-1.124	0.262
Pasangan hidup	0.106	0.034	0.119	0.889	0.375
Tahap pendapatan	0.103	0.058	0.064	1.621	0.106
Pendidikan tertiar	0.182	0.039	0.182	1.002	0.317
Tahap kesihatan	0.195***	0.201***	0.045	4.382	0.000
Kemurahan hati	0.116**	0.115**	0.047	2.452	0.015
Sokongan sosial	0.099**	0.085**	0.042	2.383	0.018
Kebebasan membuat pilihan hidup	0.443***	0.501***	0.052	8.516	0.000
Persepsi rasuah	-0.115***	-0.185***	0.026	-4.438	0.000
Pemalar	-0.203	NA	0.831	-0.244	0.807


Bilangan responden, $N = 393$; $R^2 = 0.575$; Adj. $R^2 = 0.565$; Nilai statistik-F = 51.892***;

Tahap signifikan: *** $p < 0.01$; ** $p < 0.05$; * $p < 0.10$. Tahap signifikan berdasarkan ujian dua-hujung (two-tailed test)



Penunjuk: FEM = jantina, AGE = umur, EDUC = pendidikan tertiar, HEALTH = kesihatan, FREE = kebebasan membuat pilihan hidup, COR = persepsi rasuah

Rajah 1(a). Taburan bootstrap pekali regresi bukan piawai untuk semua pemboleh ubah tidak bersandar (20,000 replikasi)



Penunjuk: MARRY = pasangan hidup, INC = tahap pendapatan, GENER = kemurahan hati, SUPP = sokongan sosial, C = pemalar

Rajah 1(b) (sambungan): Taburan bootstrap pekali regresi bukan piawai untuk semua pemboleh ubah tidak bersandar (20,000 replikasi)

Perbincangan

Kajian ini meneliti kesan kemurahan hati dan sokongan sosial ke atas kebahagiaan individu berpendapatan tinggi iaitu golongan T20 di Kuala Lumpur, Malaysia. Model kajian yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada Laporan Kebahagiaan Dunia, WHR yang dibangunkan oleh Helliwell et al. (2023). Dapatan kajian ini menunjukkan korelasi positif yang besar antara pemboleh ubah kemurahan hati dan sokongan sosial dengan kebahagiaan. Ini selari dengan dapatan yang dilaporkan dalam banyak kajian lepas seperti yang terdapat dalam tinjauan literatur.

Selain itu, hasil analisis regresi berganda dalam kajian ini mendapati impak kemurahan hati dan sokongan sosial terhadap kebahagiaan T20 juga signifikan setelah mengambil kira faktor-faktor lain sebagai pemboleh ubah kawalan dalam kajian. Walau bagaimanapun, kesan kemurahan hati ($\beta=0.12$; $p<0.01$) adalah lebih besar sedikit dan lebih signifikan daripada kesan sokongan sosial ($\beta=0.09$; $p<0.05$). Penemuan ini bertentangan dengan apa yang dilaporkan oleh WHR bahawa kesan sokongan sosial adalah lebih besar daripada kemurahan hati terhadap kebahagiaan masyarakat. Bagaimanapun, kajian semasa memfokuskan kepada peringkat individu sebagai unit analisis dan hanya tertumpu kepada golongan berpendapatan tinggi (T20), di mana golongan berpendapatan rendah tidak terlibat sebagai responden. Manakala, sampel kajian yang digunakan oleh WHR adalah berbentuk multinasional di mana dapatan kajian merumuskan kesan atau nilai statistik purata di peringkat makro.

Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa mereka yang baik hati, pemurah, atau yang gemar melakukan perbuatan baik untuk orang lain akan memperoleh lebih kebahagiaan dalam diri mereka. Begitu juga, prinsip ini terpakai kepada individu yang secara konsisten menerima sokongan sosial daripada keluarga

dan masyarakat sekeliling. Mereka mengalami kebahagiaan yang lebih besar berbanding individu yang kurang terlibat dalam interaksi sosial atau kurang memperoleh sokongan daripada persekitaran sosial mereka.

Namun begitu, menariknya, dalam kajian ini peningkatan pendapatan dalam kalangan T20 daripada tahap T1 kepada T2 tidak dikaitkan secara signifikan dengan kebahagiaan. Ini bercanggah dengan penemuan terdahulu yang menemukan hubungan positif antara tahap pendapatan, kesejahteraan kewangan individu atau status sosioekonomi dengan kebahagiaan dan kepuasan hidup di kalangan rakyat Malaysia secara keseluruhan (Boo et al., 2016; Lim et al., 2017; Sabri et al., 2021). Memandangkan peningkatan pendapatan dalam kalangan T20 tidak meningkatkan kebahagiaan mereka, kajian ini mencadangkan bahawa sebarang usaha untuk membangunkan strategi yang membina interaksi sosial yang utuh di kalangan ahli komuniti adalah penting. Ini bertujuan untuk memupuk individu masyarakat yang saling memberi sokongan sosial dan lebih bermurah hati kepada golongan yang memerlukan. Mekanisme ini dapat meningkatkan modal sosial dalam masyarakat dan seterusnya menyumbang kepada kebahagiaan.

Sewajarnya jika pengkaji mencadangkan bahawa tindakan menolong orang lain iaitu bermurah hati serta menerima sokongan sosial adalah proses timbal balik dalam perhubungan sesama manusia yang menyumbang kepada kebahagiaan individu berpendapatan tinggi (T20). Ini boleh diterjemahkan melalui hasil analisis korelasi dan regresi yang secara konsisten menunjukkan bahawa kebahagiaan mempunyai hubungan positif yang kuat dengan dua faktor penting, iaitu kemurahan hati dan sokongan sosial yang diterima. Oleh itu, boleh dicadangkan bahawa tindakan memberi sesuatu yang baik, yang diukur sebagai kemurahan hati, dan tindakan menerima sokongan atau sesuatu yang baik, yang diukur sebagai sokongan sosial, kedua-duanya pada masa yang sama diperlukan untuk menjana kebahagiaan individu. Ini menunjukkan bahawa orang yang berpendapatan tinggi harus sentiasa mempunyai rasa keinginan untuk memberi, dan mereka juga memerlukan sokongan sosial daripada orang di sekeliling mereka walaupun mereka berada pada status quo yang lebih tinggi dalam masyarakat. Kesan kemurahan hati yang lebih besar berbanding sokongan sosial terhadap kebahagiaan menunjukkan bahawa individu T20 harus secara aktif mencari peluang untuk membantu atau memberi manfaat kepada lebih ramai orang yang memerlukan, berbanding menerima atau mendapat faedah daripada masyarakat di sekeliling.

Sementara itu, arah hubungan antara kebahagiaan dan pemboleh ubah peramal lain adalah selari dengan yang dilaporkan dalam WHR. Dapatan kajian ini mendedahkan bahawa status kesihatan adalah signifikan secara positif dengan kebahagiaan yang selari dengan dapatan kajian lalu (cth., Boo et al., 2020; Lim et al., 2017). Oleh itu, dasar berkaitan boleh digubal untuk meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan dalam meningkatkan tahap kebahagiaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Peramal kebahagiaan lain seperti kebebasan membuat pilihan hidup dan persepsi rasuah, masing-masing mempunyai kesan positif dan negatif yang kuat terhadap kebahagiaan golongan berpendapatan tinggi T20. Ini bermakna, semakin bebas seseorang individu, semakin bahagia mereka dan semakin rendah persepsi rasuah, semakin tinggi tahap kebahagiaan mereka. Kebebasan untuk membuat pilihan hidup adalah peramal kebahagiaan yang paling kuat berbanding peramal lain. Ini bertepatan dengan penemuan Verme (2009) yang mendedahkan bahawa kebebasan untuk membuat pilihan hidup meramalkan kebahagiaan lebih baik daripada kesan status kesihatan, status pekerjaan, pendapatan, atau status perkahwinan. Kebebasan individu adalah penting kerana ia membolehkan orang ramai meluahkan apa yang mereka fikirkan dan juga tentang perasaan mereka yang membolehkan mereka membuat keputusan dan pilihan sendiri tanpa kekangan daripada kerajaan atau masyarakat sekeliling.

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji kesan kemurahan hati dan sokongan sosial terhadap tahap kebahagiaan golongan berpendapatan tinggi (T20) di Kuala Lumpur, Malaysia. Faktor lain yang mempengaruhi kebahagiaan individu, seperti yang dibincangkan oleh penyelidik terdahulu, bukanlah fokus kajian ini. Walaupun tidak diberi fokus, faktor-faktor lain ini bertindak sebagai pemboleh ubah kawalan dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini terhad kepada golongan berpendapatan tinggi (T20) yang menetap di bandar raya Kuala Lumpur, Malaysia sahaja. Kuala Lumpur dipilih kerana mempunyai kepadatan penduduk yang lebih tinggi dan kos sara hidup yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Golongan berpendapatan tinggi yang tinggal di luar kawasan Kuala Lumpur atau negeri lain tidak termasuk dalam kajian ini kerana mereka mempunyai kos sara hidup dan julat pendapatan yang berbeza dengan Kuala Lumpur, walaupun semua negeri mempunyai kelas pendapatan isi rumah T20 mereka sendiri. Selain itu, hanya mereka

yang tergolong dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 64 tahun sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Umur 18 tahun dan ke atas dianggap sebagai umur dewasa, manakala lingkungan umur sehingga 64 tahun dianggap sebagai kumpulan umur yang secara amnya terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi jika merujuk kepada piawaiian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization*, ILO).

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa kemurahan hati dan sokongan sosial memiliki kesan positif yang signifikan dengan kebahagiaan individu berpendapatan tinggi (T20) di Kuala Lumpur. Kemurahan hati mempunyai pengaruh yang lebih besar berbanding sokongan sosial dalam meningkatkan kebahagiaan. Penemuan ini berbeza dengan Laporan Kebahagiaan Dunia (WHR), yang menunjukkan sokongan sosial lebih penting. Kajian ini juga mendapati bahawa peningkatan pendapatan dalam kalangan T20 tidak berkaitan signifikan dengan kebahagiaan, bertentangan dengan kajian terdahulu. Oleh itu, disarankan agar strategi dibangunkan untuk memperkukuh interaksi sosial dan menyokong kemurahan hati dalam kalangan komuniti. Dasar untuk meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan dan kebebasan membuat pilihan hidup juga penting untuk meningkatkan kebahagiaan. Secara keseluruhannya, kajian ini menekankan bahawa kedua-dua kemurahan hati dan sokongan sosial adalah kunci kepada kebahagiaan individu berpendapatan tinggi, dan usaha untuk meningkatkan kebahagiaan harus memfokuskan kepada membina hubungan sosial yang kuat dan saling memberi sokongan.

Penghargaan: Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (Kod Projek: FRGS/1/2021/SS0/UPM/02/2).

Konflik kepentingan

Semua penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan.

Rujukan

- Aknin, L. B., Barrington-Leigh, C. P., Dunn, E. W., Helliwell, J. F., Burns, J., Biswas-Diener, R., Kemeza, I., Nyende, P., Ashton-James, C. E., & Norton, M. I. (2013). Prosocial spending and well-being: Cross-cultural evidence for a psychological universal. *Journal of Personality and Social Psychology*, *104*(4), 635–652.
- Aknin, L. B., Broesch, T., Hamlin, J. K., & Van de Vondervoort, J. W. (2015). Prosocial behavior leads to happiness in a small-scale rural society. *Journal of Experimental Psychology: General*, *144*(4), 788.
- Aknin, L. B., & Whillans, A. V. (2021). Helping and happiness: A review and guide for public policy. *Social Issues and Policy Review*, *15*(1), 3–34.
- Allen, S. (2018). *The science of generosity*. Greater Good Science Center.
- Boo, M. C., Yen, S. H., & Lim, H. E. (2016). A note on happiness and life satisfaction in Malaysia. *Kajian Malaysia (Malaysian Journal of Economic Studies)*, *53*(2), 261–277.
- Boo, M. C., Yen, S. H., & Lim, H. E. (2020). Income and subjective well-being: a case study. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, *38*(2), 91–114.
- Byrne, B. M. (2010). *Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, applications, and programming*. Routledge.
- Cohen S., Mermelstein R., Kamarck T., & Hoberman, H.M. (1985). Measuring the functional components of social support. In Sarason, I.G. & Sarason, B.R. (Eds). *Social support: theory, research, and applications*. Martinus Nijhoff.
- Colak, T. S., & Doğan, U. (2016). Does the use of social media ensure social support and happiness?. *International Online Journal of Educational Sciences*, *8*(4).
- Diener, E. (2000). Subjective well-being: The science of happiness and a proposal for a national index. *American Psychologist*, *55*(1), 34.
- Diener, E., Tay, L., & Oishi, S. (2013). Rising income and the subjective well-being of nations. *Journal of Personality and Social Psychology*, *104*(2), 267.

- Dominguez-Fuentes, J. M., & Hombrados-Mendieta, M. I. (2012). Social support and happiness in immigrant women in Spain. *Psychological Reports, 110*(3), 977-990.
- DOSM (2022, Mac 2023). Population and housing census. Department of Statistics Malaysia. <https://dev.dosm.gov.my/portal-main/release-content/key-findings-population-and-housing-census-of-malaysia-2020-administrative-district>
- Dunn, E. W., Gilbert, D. T., & Wilson, T. D. (2011). If money doesn't make you happy, then you probably aren't spending it right. *Journal of Consumer Psychology, 21*(2), 115-125.
- Easterlin, R. A. (1974). Does economic growth improve the human lot? Some empirical evidence. In *Nations and households in economic growth* (pp. 89-125). Academic press.
- Easterlin, R. A. (2023). Why does happiness respond differently to an increase vs. decrease in income?. *Journal of Economic Behavior & Organization, 209*, 200-204.
- Easterlin, R. A., McVey, L. A., Switek, M., Sawangfa, O., & Zweig, J. S. (2010). The happiness–income paradox revisited. *Proceedings of the National Academy of Sciences, 107*(52), 22463-22468.
- Eriksson, I., Undén, A. L., & Elofsson, S. (2001). Self-rated health. Comparisons between three different measures. Results from a population study. *International Journal of Epidemiology, 30*(2), 326-333.
- Gallup World Poll (GWP) (2020). *World Poll methodology*. Gallup Inc.
- Geenen, N. Y., Hohelüchter, M., Langholf, V., & Walther, E. (2014). The beneficial effects of prosocial spending on happiness: work hard, make money, and spend it on others? *Journal of Positive Psychology, 9*(3), 204-208.
- Hair, J., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R. E. (2010) *Multivariate data analysis* (7th ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Educational International.
- Helliwell, J. F., Layard, R., Sachs, J. D., Aknin, L. B., De Neve, J.-E., & Wang, S. (Eds.). (2023). *World Happiness Report 2023* (11th ed.). Sustainable Development Solutions Network.
- Johari, A. S., & Aun, N. S. M. (2023). Tahap Tekanan Emosi dan Sokongan Sosial dalam kalangan Ibu Bapa Semasa Pandemik COVID-19. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities, 20*(1).
- Kim, H. Y. (2013). Statistical notes for clinical researchers: assessing normal distribution (2) using skewness and kurtosis. *Restorative Dentistry & Endodontics, 38*(1), 52-54.
- Lakey, B. (2013). Perceived social support and happiness: The role of personality and relational processes. In S. A. David, I. Boniwell, & A. C. Ayers (Eds.), *Oxford handbook of happiness* (pp. 847–859). Oxford: Oxford University Press.
- Lim, H. E., Shaw, D., & Liao, P. S. (2017). Revisiting the income-happiness paradox: The case of Taiwan and Malaysia. *Institutions and Economies, 9*(4), 53-69.
- Lyubomirsky, S., & Lepper, H. S. (1999). A measure of subjective happiness: Preliminary reliability and construct validation. *Social Indicators Research, 46*(2), 137-155.
- Mahanta, D., & Aggarwal, M. (2013). Effect of perceived social support on life satisfaction of university students. *European Academic Research, 1*(6), 1083-1094.
- Mahli, S. H., Nordin, Z. S., & Zaidi, S. A. (2023). Kelestarian Dana Masjid di Negeri Sarawak. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities, 20*(2), 237-250.
- Masdin, M. B., Rathakrishnan, B., & Cosmas, G. (2016). Pengaruh optimistik, kecekapan sendiri umum dan sokongan sosial terhadap kebahagiaan remaja miskin di Sabah. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities, 11*(1), 45-58
- Moche, H., & Västfjäll, D. (2022). To give or to take money? The effects of choice on prosocial spending and happiness. *The Journal of Positive Psychology, 17*(5), 742-753.
- Moeini, B., Barati, M., Farhadian, M., & Ara, M. H. (2018). The association between social support and happiness among elderly in Iran. *Korean Journal of Family Medicine, 39*(4), 260
- Myslinski, S. (2014). *Giving, takers, and happiness: how prosocial motivation relates to the happiness effects of giving*. Pennsylvania: Wharton University of Pnensylvania.
- Nunnally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Öztemel, K., & Yıldız-Akyol, E. (2021). The predictive role of happiness, social support, and future time orientation in career adaptability. *Journal of Career Development, 48*(3), 199-212.

- Rana, J., Gutierrez, P. L., & Oldroyd, J. C. (2021). Quantitative Methods. *Global Encyclopedia of Public Administration, Public Policy, and Governance*, 1-6.
- Sabri, M. F., Dass, T. M., Burhan, N. A. S., Wahab, H. A. R. A., Wijekoon, R., & Simanjuntak, M. (2021). Determinants of life satisfaction among female-headed households in Malaysia. *International Journal of Business and Society*, 22(1), 276-295.
- Sarker, M., & AL-Muaalemi, M. A. (2022). Sampling techniques for quantitative research. In *Principles of social research methodology* (pp. 221-234). Springer Nature Singapore.
- Science of Generosity Initiative. (2012). What is Generosity? University of Notre Dame. Diambil pada 14 Mei 14 2023 daripada <https://generosityresearch.nd.edu/more-about-the-initiative/what-is-generosity/>
- Tan, C. S., Low, S. K., & Viapude, G. N. (2018). Extraversion and happiness: The mediating role of social support and hope. *PsyCh journal*, 7(3), 133-143.
- Verme, P. (2009). Happiness, freedom and control. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 71(2), 146-161.
- World Bank (2023, April 10). *Urban population (% of total population) – Malaysia*. The World Bank Group. <https://data.worldbank.org/indicator/SP.URB.TOTL.IN.ZS?locations=MY>